



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	21/12/2019	MUKA SURAT	:	50
JABATAN	:	JPS			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Geran bertindih sukarkan kerja pendalaman sungai

Alor Gajah: Pemilikan banyak nama dalam satu geran tanah didapati menyukarkan kerja mendalamkan anak sungai dalam usaha mengatasi masalah banjir di tanah bekas sawah di Kampung Seri Tanjung, Masjid Tanah, dekat sini.

Ia susulan terdapat sekurang-kurangnya 10 pemilik nama pada tanah berkenaan yang sekarang menjadi anak sungai yang berliku menyebabkan air melimpah ketika musim hujan lebat, sekali gus menyebabkan banjir di kampung itu serta di Taman Masjid Tanah Ria dan pekan Masjid Tanah.

Biarpun tanah itu berada di sempadan antara Kampung Seri Tanjung dan Kampung Solok Air Batu, di dalam geran tanah ia termasuk dalam kawasan Kampung Solok Air Batu, iaitu satu daripada kampung yang berada dalam kariah Durian Daun, Masjid Tanah.

Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Solok Air Batu, Hamidin Ramli, 46, berkata MPKK cuba mengesan waris pemilik asal tanah berkenaan yang tidak menetap di kampung itu.

"Ada yang tinggal di Kuala Lumpur dan beberapa bandar lain, tetapi sukar mengumpulkan mereka dalam satu masa untuk urusan mengambil alih tanah itu," katanya ketika ditemui di Kampung Seri Tanjung, semalam.

Beliau mengulas kenyataan Ketua Menteri, Adly Zahari ketika melawat kawasan itu baru-baru ini yang mengarahkan Pejabat

Daerah Alor Gajah dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) segera menyiapkan kertas kerja pengambilan tanah untuk membolehkan kerja melurus dan mendalamkan anak sungai dilaksanakan bagi mengatasi banjir.

Tanah di bekas sawah itu dikenal pasti sebagai punca saluran air dari Kolam Tebatan Banjir JPS di Kampung Durian Daun, dua kilometer dari kawasan itu tersekat dan menyebabkan banjir di pekan Masjid Tanah serta beberapa kampung sekitarnya.

Adly berkata, kedua-dua agensi terbabit harus segera membuat kajian pengambilan tanah untuk dikemukakan kepada Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN) bagi menimbangkan cadangan pengambilan tanah berikutan masalah banjir yang semakin membebaskan orang ramai di pekan Masjid Tanah dan penduduk Taman Masjid Tanah Ria serta beberapa kampung sekitarnya.

Saliran yang mengecil seolah-olah anak sungai di tanah bekas sawah itu menjadi punca air dari kolam tadahan itu tidak mampu mengalir dengan sempurna ke longkang besar dan seterusnya ke Sungai Baru, lalu menyebabkan banjir.

Sementara itu Pengerusi MPKK Seri Tanjung, Razak Yatim berkata, penduduk kampung itu dan Taman Masjid Tanah Ria amat bimbang setiap kali hujan lebat kerana saluran di kawasan sempit itu menyebabkan air melimpah hingga menenggelamkan kawasan setinggi kira-kira 0.9 meter.